

- Pihak pembangkang berkenaan usul lanjutkan tempoh Dewan Undangan Negeri

Gerald Rentap gesa kerjasama, sokongan

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KE-18



NUR AIN OTSMAN,
AKMAL ADIB YUSUP,
JEAKQLEYN YACHO,
ASYRAF HALIM,
RYNNA SHA'ERRA
MINDEW

KUCHING: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Layar, Gerald Rentap Jabu mempersoalkan pendirian blok pembangkang ber-

kaitan keprihatian mereka terhadap kesan Covid-19 sekiranya Pilihan Raya Negeri (PRN) diadakan dalam masa terdekat.

Menurut beliau, sebagai pihak yang lantang mempertikaikan kredibiliti Kerajaan Sarawak mengadakan PRN, seharusnya Presiden Parti Sarawak Bersatu (PSB), Datuk Sri Wong Soon Koh (ADUN Bawang Assan) dan Ketua DAP Sarawak, Chong Chien Jen (Kota Sentosa) bersetuju dengan usul yang dikemukakan-nya pada perbahasan yang lalu.

"Sekaranglah masanya, tunjukkan keprihatinan yang anda suarkan selama ini. Saya memin-

ta dan menyeru pemimpin pembangkang untuk bekerjasama dan bersatu menyokong usul ini demi kepentingan kehidupan dan kehidupan rakyat Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Perbahasan Belanjawan 2021 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, semalam.

Walaupun belum ada sebarang pindaan dibuat berkenaan usulnya itu, beliau yang merupakan Ketua Pemuda Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB) yakin bahawa Ketua Menteri akan membuat pilihan yang tepat demi melindungi nyawa dan kehidupan rakyat Sarawak daripada

ancaman Covid-19.

"Sebelum kita dapat membuat pindaan terhadap Perlembagaan Sarawak, Perlembagaan Persekutuan harus dipinda terlebih dahulu," ujarnya lagi.

Sehubungan itu, Gerald menerusi hujahnya berkata bagi mempermudah persempadanan kawasan pilihan raya pertama Sarawak, pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1968, dimasukkan klausu baharu (3A) kepada Perka 21 Perlembagaan Sarawak yang berkuat kuasa mulai 9 September, melanjutkan tempoh DUN yang ada pada 1968 melebihi tempoh lima tahun untuk dibubarkan bersama dengan Parlimen Persekutuan pada 1969.

"Seterusnya pindaan Per-



TUNJUKKAN SOKONGAN... Gerald Rentap Jabu ketika menyertai Perbahasan Belanjawan 2021 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, di Kuching semalam.

lembagaan Sarawak pada tahun 1968, dimasukkan klausu baharu (3A) kepada Perka 21 Perlembagaan Sarawak yang berkuat kuasa mulai 28 September, melanjutkan jangka masa DUN yang ada pada tahun 1968 melebihi tempoh lima ahun untuk dibubarkan bersama dengan Parlimen Persekutuan pada

tahun 1969," jelasnya lagi. Menerusi usulnya, Gerald mencadangkan agar klausu baharu ditambahkan ke dalam Perlembagaan Sarawak, iaitu melanjutkan DUN semasa hingga enam tahun dari persidangan pertamanya, atau sehingga Parlimen dibubarkan berikutnya, mana-mana yang lebih awal.

Jalan RPR Landeh ke Jalan Stephen Yong dalam RMK-12



PENJELASAN... Datuk Julaihi Narawi berucap semasa menghadiri Persidangan DUN Sarawak di bangunan DUN Sarawak, Kuching semalam. • Foto PENERANGAN

KUCHING: Cadangan pembinaan jalan dari RPR Landeh menuju Jalan Stephen Yong telah dikemukakan kepada Kerajaan Sarawak dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) untuk dipertimbangkan.

Menurut Menteri Pembangunan Infrastruktur

dan Pelabuhan, Datuk Julaihi Narawi, kos bagi projek pembinaan jalan raya tersebut ialah RM125 juta sekiranya ia diluluskan oleh Kerajaan Sarawak.

Beliau berkata demikian sewaktu menjawab pertanyaan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN) Batu Kitang, Lo Khere Chiang pada sesi pertanyaan bagi jawapan lisan Mesyuarat Ketiga Bagi Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak ke-18 di DUN Sarawak, semalam.

"Dari segi skop kerja, projek pembinaan jalan raya tersebut melibatkan pembinaan sepanjang 11.5 kilometer jenis JKR 3 standard berturap.

"Pembinaan jalan ini juga melibatkan satu jambatan kecil sepanjang 200 meter," jelasnya.

Tambahnya lagi, cadangan yang dikemukakan tersebut turut mengambil kira kampung-kampung yang terdapat di sekitarnya dan sekiranya ia diluluskan, projek tersebut dijangka dilaksanakan dalam masa 30 bulan.

Katanya, jalan raya tersebut menunjukkan bahawa Kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) amat prihatin terhadap keperluan rakyat yang amat memerlukan jalan perhubungan.

Beliau berkata demikian sewaktu menjawab pertanyaan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri

ACCCIS cadang kerajaan beri tumpuan lebih kepada PKS

KUCHING: Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Bersekutu Sarawak (ACCCIS) mencadangkan Kerajaan Sarawak untuk memberikan tumpuan yang lebih kepada golongan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negeri ini.

Menurutnya, selain daripada pengusaha kecil dan mikro yang berjuang untuk terus bertahan, pengusaha PKS tempatan turut terkena tempias yang teruk akibat daripada pandemik yang Covid-19 yang kian merunsingkan ini.

"Kerajaan Negeri di bawah Belanjawan 2021 telah menyalurkan bantuan kewangan kepada usahawan mikro dan kecil melalui Skim Kredit Mikro Sarawak berjumlah RM50 juta di bawah Belanjawan 2021 sebagai suntikan untuk pengembangan dan kepelbagaian perniagaan mereka.

"Sepertimana bantuan yang diperuntukan tersebut, kami ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk menyediakan peruntukan yang meberi-

kan kemudahan yang berjumlah sekurang-kurangnya RM250,000 kepada setiap pengusaha, bagi membantu golongan PKS di negeri ini.

"Hal ini kerana hanya bantuan kewangan dengan jumlah yang lebih realistik dapat membantu PKS bertahan dalam persekitaran perniagaan yang mencabar dan sukar," katanya menerusi kenyataan semalam.

Dalam pada itu, ACCCIS menzhirkan kesyukuran kerana Kerajaan Sarawak telah menyediakan Skim Dana Bantuan Khas (Subsidi Faedah) yang membantu SME untuk menikmati pinjaman tanpa faedah selama tiga setengah tahun.

"Skim yang berjumlah RM17.3 juta di bawah Belanjawan 2021, serta tambahan peruntukan RM19.0 juta lagi, dijangka bakal memberikan manfaat kepada lebih daripada 40,000 SME di seluruh Sarawak," jelasnya lagi.

Sementara itu, ACCCIS turut mencadangkan kepada Kerajaan Sarawak

untuk meneruskan Program Subsidi Upah (WSP) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Kerajaan Persekutuan yang akan berakhir pada bulan Disember, untuk selama 3 hingga 6 bulan lagi.

Tambahnya, WSP ini telah terbukti menjadi langkah yang paling berkesan dalam memastikan perniagaan terus bertahan dan dengan itu menyelamatkan pekerjaan untuk mengelakkan pengangguran besar-besaran.

Dengan kedudukan fiscal dan rizab Sarawak yang kukuh, ACCCIS turut mencadangkan pada Kerajaan Sarawak untuk memberikan sejumlah RM500 sekali kepada setiap rakyat Sarawak.

"Kami percaya langkah tersebut akan mendorong jangka pendek permintaan atau penggunaan yang akan memberikan kesan limpahan dan pengganda positif yang sangat diperlukan untuk menghidupkan semula ekonomi kita," ujarnya lagi.